



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Terengganu yang dipengerusikan bersama oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu dan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Sesi libat urus dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri telah dimulakan sejak 5 Julai 2019 lalu dan Terengganu merupakan negeri kesembilan dalam siri jelajah ini.

Terengganu merupakan antara negeri yang penting dalam usaha penyediaan RMKe-12 kerana salah satu matlamat utama pelan jangka panjang negara adalah merapatkan jurang pembangunan antara wilayah selaras dengan objektif utama Wawasan Kemakmuran Bersama yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019.

Demi menjayakan agenda ini, Negeri Terengganu diberi keutamaan dengan Peruntukan Pembangunan (DE) sebanyak RM988.5 juta pada tahun 2019. Ini merupakan peningkatan peruntukan sebanyak 4.1% berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, pembayaran royalti petroleum kepada Negeri Terengganu juga telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018.

Kerajaan Persekutuan juga prihatin dengan kesan limpahan ekonomi kepada rakyat Terengganu dengan pelancaran semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Projek ini bakal memberi manfaat daripada peningkatan kesalinghubungan antara Negeri Terengganu dengan pusat-pusat pertumbuhan ekonomi di Pantai Barat.

Justeru itu, Kerajaan Persekutuan yakin melalui peningkatan peruntukan pembangunan dan kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri Terengganu ini pastinya dapat meneroka potensi ekonomi negeri yang berimpak tinggi. Antaranya sektor pengangkutan dan logistik, kegiatan industri hiliran berasaskan minyak dan gas,

eko-pelancongan dan pertanian pintar yang bukan sahaja membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dan pendapatan tinggi kepada rakyat Negeri Terengganu, tetapi juga menjana pertumbuhan ekonomi yang bakal menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, YB Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu, YB Dato' Bentara Dalam Setiausaha Kerajaan Terengganu, YBhg. Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Hal Ehwal Ekonomi serta ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Terengganu.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**15 Ogos 2019**